

02/03/2003

Lemahnya pemikiran media asing

Kadir Dikoh

KEJAYAAN menganjurkan Sidang Kemuncak Pergerakan Negara Berkecuali (NAM), diikuti mesyuarat tidak rasmi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) amat membanggakan rakyat sehingga parti pembangkang Pas mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Pusat.

Media tempatan sama ada elektronik atau cetak memberi liputan meluas dan menyeluruh. Malah, media tempatan turut melaporkan ucapan atau kenyataan pemimpin asing yang bercakap dalam sidang itu terutama pada sesi pleno.

Tetapi lain dengan media asing utama di dunia terutama di Amerika Syarikat dan Britain. Begitu juga dengan laporan televisyen Cable News Network (CNN), BBC atau CNBC.

Cadangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya perang diharamkan dalam ucapan sulungnya sebagai Pengerusi NAM pada perasmian Sidang Kemuncak ke-13 pergerakan itu Isnin lalu, tidak begitu ditonjolkan atau langsung tidak disebut.

Sebaliknya, apa yang ditonjolkan ialah kepada isu Iraq. CNN umpamanya lebih memberi perhatian kepada ucapan Naib Presiden Iraq, Taha Yassin Ramadhan serta Presiden Iran, Seyyed Mohammad Khatami selain pemimpin dari

Korea Utara pada sidang pleno mesyuarat itu. Isu Palestin yang mengecewakan ramai umat Islam sejagat, bagaikan tenggelam begitu saja.

Tetapi sidang akhbar Perdana Menteri selepas mesyuarat tidak rasmi OIC Rabu lalu pula mendapat publisiti agak meluas apabila Dr Mahathir mengumumkan konsensus pemimpin OIC mengenai kemungkinan menggunakan minyak sebagai senjata untuk mengelak perang Amerika ke atas Iraq.

Pada sebelah tengah malam (waktu tengah hari di New York) hari yang sama, CNN bagaimanapun menyiarkan laporan dengan "intro" iaitu Kuwait menolak saranan Dr Mahathir (sebenarnya konsensus pemimpin OIC) mengenai penggunaan minyak sebagai senjata, dengan petikan sidang akhbar Dr Mahathir dijadikan latar belakang untuk berita ini.

Kemudian dua pengacara berita CNN dari dua tempat berasingan mengulas isu itu yang antara lain menyebut bahawa minyak adalah soal perniagaan dan tidak harus dicampurkan dengan politik. Dr Mahathir sendiri pernah menyindir cara pemberitaan CNN sebelum ini apabila sesama wartawannya berbicara secara "live" memberi komen isu tertentu berdasarkan pandangan mereka sendiri.

Agensi berita asing keesokan harinya pula melaporkan Arab Saudi mengambil langkah bercanggah dengan semangat OIC apabila menolak sama sekali saranan supaya menggunakan minyak sebagai senjata bagi menyekat Amerika Syarikat menyerang Iraq.

Pada masa yang sama, kata laporan itu, Riyadh menganggap sidang tergepar OIC di Doha mengenai isu Iraq mulai Selasa ini tidak perlu

diadakan, malah berikrar menambah pengeluaran minyak serta mengizinkan tentera Amerika menggunakan markas tenteranya sebagai pangkalan untuk menyerang Baghdad.

Memang berita negatif seumpama itu menjadi minat agensi dan akhbar asing. Sidang tergepar itu belum diadakan, tetapi sudah wujud perbalahan dengan negara Arab sendiri tidak bersatu. Tidak hairanlah laporan ini mendapat perhatian dalam akhbar barat.

Akhbar Australia terutama The Australian melalui laporan wartawannya yang dihantar membuat liputan di Kuala Lumpur, menggunakan pelbagai gelaran sebagai merujuk kepada negara yang dianggap "paksi segala kejahatan" oleh Presiden George W Bush, seperti Iraq, Iran dan Korea Utara.

Sehari sebelum sidang NAM, akhbar itu menyiarkan laporan muka depan bertajuk "Global bad boys gather for gadfest" dan sehari kemudian dengan tajuk "Dark corners reject US policy - countdown to war", dengan intro beritanya antara lain berbunyi "Leaders of some of the world's most troublesome regimes yesterday attacked "US aggression colonialism, continuing a diatribe against the West that has marked a gathering of 116

largely countries."

Akhbar itu memberi gambaran seolah-olah negara anggota NAM sebagai budak jahat (bad boys) dan yang kerap menimbulkan kacau bilau di dunia ini. Mungkin lebih sesuai gelaran "budak jahat" itu untuk Presiden George W Bush yang beria-ia mahu menyerang Iraq dan disokong pula oleh Perdana Menteri Britain, Tony Blair dan Perdana Menteri Australia, John Howard.

Mungkin silap kalau kita kata Amerika Syarikat mahu menyerang Iraq kerana jutaan penduduknya terutama di New York membantah serangan itu. Yang mahu berperang ialah pentadbiran Bush yang dibantu oleh dua timbalan sherifnya, Blair dan Howard. Jutaan penduduk Britain dan Australia membantah perang.

Sepanjang persidangan NAM itu, akhbar di Amerika Syarikat yang kurang melaporkan berita NAM ialah Washington Times dan Los Angeles Times. Namun, New York Times memuatkan dua laporan termasuk mengenai ucapan Dr Mahathir pada perasmian Sidang Kemuncak NAM itu.

Akhbar di Britain juga kurang memberi liputan mengenai perkara sama. Laporan mengenai NAM yang dimuatkan hanya menyiarkan berita mengenai persidangan itu secara ringkas dan kebanyakannya memetik daripada agensi berita masing-masing.

Washington Post hanya menyiarkan satu berita mengenai NAM yang dipetik daripada agensi berita Amerika Syarikat, The Associated Press (AP), iaitu melaporkan semua anggota NAM mendesak Korea Utara tidak meneruskan rancangan bagi menggunakan senjata nuklear, tetapi negara komunis itu enggan mengikut arahan untuk mengubah haluan daripada bersikap berdiam diri terhadap Amerika Syarikat.

Dalam laporan itu juga menyebut, menteri luar dari 116 negara anggota NAM memberi tumpuan lebih terhadap krisis Korea Utara.

Selain itu, USA Today, hari memberi liputan sebelum acara NAM berakhir dengan memetik laporan agensi Reuters, mengenai mesyuarat NAM peringkat

pegawai kanan (SOM) dijangka mendesak usaha perdamaian terhadap krisis penggunaan senjata di Iraq dan Korea Utara.

Los Angeles Times seperti tidak memberi perhatian langsung kepada berita
NAM.

Akhbar Khaleej Times di Dubai pada muka depannya menggunakan gambar Dr Mahathir ketika sidang akhbar selepas mesyuarat tidak rasmi OIC dengan tajuk berita "OIC backs anti-war move" dengan memetik laporan Reuters.